



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

## GARIS PANDUAN

# PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Urus Setia GP	 ----- Puan Nor Eloni Nor Azmi Ketua Pentadbiran IDEA-UKM	 ----- Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal Pengarah IDEA-UKM
Tarikh: 18 Ogos 2022	Tarikh: 18 Ogos 2022	Tarikh: 18 Ogos 2022

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kkuatkuasa
01	00	18 Ogos 2022





**Pusat IDEA (IDEA-UKM)**

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN  
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>MATLAMAT DAN OBJEKTIF</b>	<b>3</b>
<b>2</b>	<b>BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)</b>  1.1 Tujuan 1.2 Definisi 1.3 Kriteria 1.3.1 Kriteria Umum 1.3.2 Kriteria Khusus	<b>4</b>
<b>3</b>	<b>BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)</b>  2.1 Tatacara Permohonan 2.2 Carta Alir Permohonan	<b>7</b>
<b>4</b>	<b>BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)</b>  3.1 Jawatankuasa Penilaian 3.2 Senarai Jawatankuasa Penilaian 3.3 Kriteria Penilaian	<b>8</b>
<b>5</b>	<b>BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)</b>  4.1 Pemakluman Keputusan 4.2 Dokumen dan Majlis Pengiktirafan	<b>10</b>



**Pusat IDEA (IDEA-UKM)**

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN  
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

## **MATLAMAT DAN OBJEKTIF**

### **PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

---

#### **MATLAMAT**

Memperkasa penyelidikan translasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### **OBJEKTIF**

- Mengenal pasti projek penyelidikan translasi yang berimpak tinggi
- Memberi pengiktirafan kepada projek penyelidikan yang menerobos ufuk ilmu pengetahuan dalam konteks negara, serantau dan global

## **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN**

### **1.1 TUJUAN**

Pengiktirafan projek penyelidikan berstatus Gegar Gamat Pemacu Perubahan merupakan satu inisiatif yang memfokuskan kepada penyelidikan yang telah memperoleh hasil berimpak untuk manfaat pihak berkepentingan di peringkat negara, serantau dan global. Melalui inisiatif ini, hasil penyelidikan berimpak tinggi oleh penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berpotensi menjadi pemacu perubahan kepada pembangunan sosioekonomi, sains dan teknologi serta kesihatan dapat diserlahkan.

### **1.2 DEFINISI**

Penyelidikan berimpak tinggi dengan hasil yang telah diterjemahkan untuk manfaat pihak berkepentingan dan mempunyai impak yang boleh diukur.

### **1.3 KRITERIA**

#### **1.3.1 Kriteria Umum**

- a) Projek penyelidikan yang berdaftar dengan UKM
- b) Projek penyelidikan yang telah selesai atau mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada pencapaian carta perbatuan
- c) Projek penyelidikan yang telah mencapai sekurang-kurangnya tahap TRL 3 untuk bidang Sains, Teknologi dan Kesihatan, KECUALI Sains Sosial
- d) Projek penyelidikan yang mempunyai pembuktian bahawa kajian tersebut telah memberi impak yang signifikan kepada pihak berkepentingan seperti komuniti, industri, dan agensi kerajaan (iaitu, keadaan sebelum dan kesan selepas projek dijalankan)
- e) Projek penyelidikan yang telah memfailkan harta intelek seperti paten, perbaharuan utiliti, hak cipta, cap dagangan, rekabentuk perindustrian, litar tutup bersepadu, varieti baharu tumbuhan dan rahsia dagangan

#### **1.3.2 Kriteria Khusus**

Pengiktirafan projek penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Perubahan adalah berdasarkan kepada tahap impak penyelidikan iaitu:

**a) 1 Bintang (Projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan Peringkat Industri/Komuniti Setempat)**

- i. Projek Penyelidikan yang telah menjadi pemacu perubahan kepada komuniti/industri setempat (Contoh: produk/modul/kertas polisi/garis panduan/pelan tindakan/anugerah)
- ii. Projek penyelidikan yang berjaya menghasilkan Indeks Kreativiti (CI EPU) melebihi 0.1 yang dihitung daripada nilai total impak dibahagikan dengan nilai kos projek

**b) 2 Bintang (Projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan Peringkat Daerah)**

- i. Projek penyelidikan yang menjadi pemacu perubahan kepada satu daerah dalam sebuah negeri (Contoh: produk/modul/kertas polisi/garis panduan/pelan tindakan/anugerah)
- ii. Projek penyelidikan yang berjaya menghasilkan Indeks Kreativiti (CI EPU) melebihi 0.2 yang dihitung daripada nilai total impak dibahagikan dengan kos

**c) 3 Bintang (Projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan Peringkat Negeri)**

- i. Projek Penyelidikan yang telah menjadi pemacu perubahan di peringkat negeri (Contoh: produk/modul/kertas polisi/garis panduan/pelan tindakan/anugerah)
- ii. Projek penyelidikan yang berjaya menghasilkan Indeks Kreativiti (CI EPU) melebihi 0.3 yang dihitung daripada nilai total impak dibahagikan dengan kos

**d) 4 Bintang (Projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan Peringkat Kebangsaan/Negara)**

- i. Projek penyelidikan yang menjadi pemacu perubahan kepada seluruh negara (Contoh: produk/modul/kertas polisi/garis panduan/pelan tindakan/anugerah)
- ii. Projek penyelidikan yang berjaya menghasilkan Indeks Kreativiti (CI EPU) melebihi 0.5 yang dihitung daripada nilai total impak dibahagikan dengan kos

**e) 5 Bintang (Projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan Peringkat Asia Tenggara)**

- i. Projek Penyelidikan yang telah menjadi pemacu perubahan kepada komuniti/industry/kerajaan di sebuah negara di Asia Tenggara (Contoh: produk/modul/kertas polisi/garis panduan/pelan tindakan/anugerah)
- ii. Projek penyelidikan telah memfailkan harta intelek sekurang-kurangnya di peringkat Asia Tenggara
- iii. Projek penyelidikan yang telah mendapat pelaburan di peringkat Asia Tenggara atau menghasilkan penajaan sekurang-kurangnya RM250,000
- iv. Projek penyelidikan yang berjaya menghasilkan Indeks Kreativiti (CI EPU) melebihi 0.75 yang dihitung daripada nilai total impak dibahagikan dengan kos

**f) 6 Bintang (Projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan Peringkat Antarabangsa)**

- i. Projek Penyelidikan yang telah menjadi pemacu perubahan kepada komuniti/industry/kerajaan di sebuah negara di luar Asia Tenggara (Contoh: produk/modul/kertas polisi/garis panduan/pelan tindakan/anugerah)
- ii. Projek penyelidikan telah memfailkan harta intelek di peringkat antarabangsa
- iii. Projek penyelidikan yang telah mendapat pelaburan antarabangsa atau menghasilkan penajaan sekurang-kurangnya RM1,000,000
- iv. Projek penyelidikan yang berjaya menghasilkan Indeks Kreativiti (CI EPU) melebihi 1 yang dihitung daripada nilai total impak dibahagikan dengan kos


## BAHAGIAN 2 : PERMOHONAN

### 2.1 TATACARA PERMOHONAN

2.1.1 Permohonan pengiktirafan Gegar Gamat Pemacu Perubahan UKM dibuka dan dibuat penilaian secara berkala sebanyak empat (4) kali setahun.

2.1.2 Permohonan dibuat menggunakan borang yang disediakan oleh Pusat IDEA UKM

### 2.2 CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UKM:






## **BAHAGIAN 3 : PENILAIAN**

### **3.1 JAWATANKUASA PENILAIAN**

- 3.1.1 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 3.1.2 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan, kriteria dan lain-lain seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan.
- 3.1.3 Jawatankuasa Penilaian projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan UKM dikenali sebagai 'Jawatankuasa Penilaian Gegar Gamat Pemacu Perubahan (JPGG) UKM.
- 3.1.4 Bidang tugas JPGG adalah seperti berikut:
- (a) Menilai dan memperakukan permohonan penyelidikan projek gegar gamat berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh UKM;
  - (b) Memaklumkan justifikasi secara terperinci bagi permohonan yang gagal diiktiraf sebagai gegar gamat;
  - (c) Menilai prestasi projek penyelidikan gegar gamat;
  - (d) Memberi cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berdasarkan kepada prestasi projek dan kewangan; dan
  - (e) Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan.
- 3.1.5 Kriteria Ahli Jawatankuasa yang dilantik:
- (a) TNC P&I (Pengerusi)
  - (b) Wakil Industri (mengikut kluster berkaitan)
  - (c) Wakil Pejabat Portfolio P&I
  - (d) Wakil Pelabur (yang berkaitan)
  - (e) Wakil Komuniti (yang berkaitan)
  - (f) Wakil Agensi Kerajaan (pengguna dan pembuat dasar yang berkaitan)
  - (g) Wakil Pejabat TNC JIAM
  - (h) Penyelidik Tersohor (Pakar Bidang)

### 3.2 SENARAI JAWATANKUASA PENILAIAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UKM



### 3.3 KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian pengiktirafan projek penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Perubahan UKM adalah mengambil kira kriteria projek penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Perubahan yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam perkara 1.3.

## **BAHAGIAN 4 : KEPUTUSAN**

### **4.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN**

- 4.1.1 Surat keputusan permohonan pengiktirafan projek penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Perubahan UKM akan dimaklumkan kepada Pejabat Kedekanaan/Pejabat Pengurusan di Pusat Tanggungjawab pemohon oleh Pejabat Naib Canselor UKM dan disalinkan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (P&I), Pusat IDEA UKM dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM);
- 4.1.2 Pemakluman keputusan juga dibuat menerusi laman sesawang rasmi UKM serta diuar-uarkan juga menerusi rangkaian media sosial rasmi UKM; dan
- 4.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

### **4.2 DOKUMEN DAN MAJLIS PENGIKTIRAFAN**

#### **4.2.1 Sijil Penghargaan**

- (a) Setiap permohonan yang berjaya mendapat pengiktirafan akan diberikan sijil penghargaan daripada Pejabat Naib Canselor UKM
- (b) Sijil penghargaan akan diberikan kepada PTj dan juga setiap ahli kumpulan penyelidikan yang terlibat dalam melaksanakan projek penyelidikan tersebut.

#### **4.2.2 Majlis Pengiktirafan**

- (a) Setiap permohonan yang berjaya akan dijemput ke majlis pengiktirafan yang akan dikendalikan oleh urusetia pengiktirafan projek penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Perubahan UKM
- (b) Majlis pengiktirafan akan diadakan secara berjadual mengikut kesesuaian masa dan waktu yang akan ditentukan oleh urusetia (Pusat IDEA UKM)



**Pusat IDEA (IDEA-UKM)**

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN  
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**PUSAT IDEA**

Aras 2 Kompleks Penyelidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
[idea@ukm.edu.my](mailto:idea@ukm.edu.my)

**DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL  
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN**